

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL AGAMA MENGENAI AL-QUR'AN SEBAGAI SUMBER ILMU DAN KEHIDUPAN SEMPENA MTHQA KE-62

KATEGORI PERTANDINGAN

Artikel Umum

TAJUK DAN SKOP TULISAN

Tajuk adalah bebas. Kandungan dan skop tulisan hendaklah mengenai al-Quran sebagai sumber ilmu, peranan dalam masyarakat majmuk dan maqasid syar'iyah. Skop penulisan hendaklah juga berdasarkan penerapan atau pembudayaan al-Qur'an dalam kehidupan.

HADIAH:

- i. JOHAN RM 2000
- ii. NAIB JOHAN RM 1000
- iii. KETIGA RM 700

PENGUMUMAN KEMENANGAN

Pemenang akan diumumkan melalui emel peserta dan web rasmi JAKIM. Hadiah kemenangan akan disampaikan dalam satu majlis rasmi anjuran JAKIM.

SYARAT PENYERTAAN

Syarat penyertaan adalah seperti berikut;

- i. Terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia Muslim dan *Non Muslim* yang berumur 18 tahun ke atas.
- ii. Penyertaan adalah dalam bentuk individu dan setiap individu hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
- iii. Penyertaan adalah percuma. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan rasmi yang boleh didapati sepertimana di **LAMPIRAN A**.
- iv. Semua penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap dan ditandatangani oleh peserta. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap atau tidak menepati syarat-syarat pertandingan.
- v. Warga kerja Bahagian Penerbitan JAKIM tidak layak menyertai pertandingan ini.
- vi. Semua karya mestilah asli dan bukan plagiat daripada mana-mana individu atau institusi. Urusetia Pertandingan berhak menolak mana-mana karya yang didapati diplagiat dari mana-mana sumber yang diketahui.

vii. Setiap karya yang terpilih akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik JAKIM. Hanya tiga (3) karya yang terbaik sahaja akan diumumkan pada satu masa yang ditentukan. Keputusan adalah muktamad.

viii. Semua karya hendaklah dihantar dalam bentuk salinan keras (*hard copy*) dan salinan lembut (*soft copy*) kepada Jawatankuasa Penerbitan Khas MTHQA62, Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya, No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100, Putrajaya dan di alamat emel : penerbitankhas@islam.gov.my

ix. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan atau pengeposan tidak diterima sebagai bukti penyertaan

x. Semua karya akan menjadi hak milik JAKIM dan hak cipta penerbitan diserahkan kepada pihak JAKIM sepenuhnya. JAKIM berhak meminda, menerbit atau menyebarkan karya tanpa perlu meminta keizinan daripada penulis.

xi. Jawatankuasa berhak meminda atau mengubah syarat penyertaan tanpa sebarang notis.

xii. **Tarikh tutup pertandingan adalah pada 11 April 2020 (tertakluk kepada pindaan).**

PANDUAN PENULISAN



Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut

- ❖ Program: Microsoft Word
- ❖ Jenis font (Rumi): Ariel
- ❖ Saiz font (Rumi): 12
- ❖ Jarak baris teks: 1.5
- ❖ Jarak baris nota kaki, terjemahan al-Quran dan hadis: 1.0
- ❖ Saiz font catatan bawah/nota kaki: 10
- ❖ Bahasa: Artikel ditulis dalam Bahasa Melayu, dan tidak melebihi seribu (1000) patah perkataan tidak termasuk senarai rujukan (tidak melebihi 10 halaman, kertas size A4).
- ❖ Tajuk utama hendaklah ditulis dengan huruf besar (*uppercase*).
- ❖ Sub-tajuk hendaklah ditaip dengan huruf kecil kecuali huruf pertama bagi setiap perkataan dengan huruf besar (*title case*).
- ❖ Semua tajuk utama dan sub-tajuk perlulah ditebalkan (*bold*) tulisannya.
- ❖ Panduan penulisan boleh berubah mengikut keperluan.

LAMPIRAN A

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL AGAMA MENGENAI AL-QURAN SEBAGAI SUMBER ILMU DAN KEHIDUPAN SEMPENA MTHQA
KE- 62 TAHUN 2020



	BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL AGAMA MENGENAI AL-QUR'AN SEBAGAI SUMBER ILMU DAN KEHIDUPAN SEMPENA MTHQA KE-62 TAHUN 2020	
---	---	---

Nama Penuh	
Nombor Kad Pengenalan	
Alamat Surat Menyurat	
Nombor Telefon	Rumah :
	Tel. Bimbit :
Alamat Emel	
Tajuk Artikel	
Tandatangan	

PENGHANTARAN MELALUI E-MEL

Sila lampirkan borang penyertaan ini bersama penulisan anda dan hendaklah dikirimkan menerusi e-mel kepada penerbitankhas@islam.gov.my

PENGHANTARAN DENGAN TANGAN/MANUAL (POS)

Sila cetak borang penyertaan ini dan penuhkan maklumat seperti yang dikehendaki dan hantar kepada:

**Jawatankuasa Penerbitan Khas MTHQA62,
Bahagian Penerbitan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No.23. Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya**